

**Komposer Cipta Lagu Khas Untuk Najib Dan Muhyiddin
Bernama
17 April , 2012**

GEORGE TOWN, 17 April (Bernama) -- Bagi menunjukkan rasa cinta dan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin, seorang komposer mencipta sebuah lagu berjudul 'You, I Believe'.

Komposer Datuk Wah Idris berkata lagu berentak rancak itu akan dilancarkan oleh Muhyiddin pada My Karnival NGO (pertubuhan bukan kerajaan) 1Malaysia, di Politeknik Seberang Perai, dekat sini, 26 April ini.

"Ini satu-satu caranya di mana saya ingin memberikan satu simbolik, satu-satunya daripada segi rakyat di mana kita mesti mempercayai atau mempunyai keyakinan terhadap kepimpinan negara (Datuk Seri Najib Tun Razak).

"Lagu ini khas kepada Perdana Menteri, kepada kerajaan Malaysia di mana kita mempercayai kepimpinan mereka," katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Beliau berkata lagu berdurasi 3 minit 30 saat itu akan dinyanyikan secara koir yang terdiri daripada penyanyi-penyanyi muda daripada pelbagai kaum.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659734>